

TARIKH : 29 MAC 2022  
AKHBAR : SINAR HARIAN  
MUKA SURAT : 6

## Unit Kemiskinan tangani miskin bandar

# Unit Kemiskinan tangani miskin bandar

Unit baharu ditubuh di bawah Kementerian Wilayah Persekutuan

**KUALA LUMPUR**

**K**ementerian Wilayah Persekutuan menubuhkan Unit Kemiskinan di peringkat kementerian dan agensi-nya bagi menangani isu miskin bandar secara berterusan, Dewan Negara diberitahu pada Isnin.

Timbalan Menteri, Datuk Seri Jalaluddin Alias berkata, bagi Wilayah Persekutuan Labuan, unit itu ditubuhkan di bawah Perbadanan Labuan dan bekerjasama dengan Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) bagi menubuhkan pasukan petugas.

“Unit Kemiskinan ini merupakan satu unit baharu yang kami wujudkan untuk mencapai matlamat membasmi kemiskinan dan penubuhan pasukan petugas pula sebagai persediaan bekalan barangan keperluan menjelang musim perayaan dengan sokongan agensi kerajaan serta pemborong atau kedai terpilih,” katanya pada sesi soal jawab di



**JALALUDDIN**



Unit Kemiskinan Kementerian Wilayah Persekutuan ditubuh bagi mencapai matlamat membasmi kemiskinan di bandar.

Dewan Negara.

Beliau berkata demikian bagi menjawab soalan Senator Datuk Bashir Alias yang ingin tahu mekanisme yang direncanakan pihak kementerian dalam menangani masalah kemiskinan di Labuan terutama

miskin bandar ekoran kenaikan kos sara hidup.

Menjawab soalan tambahan Senator Muhammad Zahid Md Arip sama ada Unit Kemiskinan itu boleh bekerjasama dengan

pusat pungutan zakat untuk mengatasi kemiskinan bandar dalam kalangan umat Islam, Jalaluddin berkata, kedua-dua unit itu mempunyai matlamat yang sama.

“Matlamat kami sama. Unit Kemiskinan ini untuk bantu bukan sahaja golongan Melayu, Islam bahkan kaum dan bangsa lain dengan tumpuan kami sama iaitu membantu golongan B40 ke bawah untuk mengatasi masalah kemiskinan.

“Gabungan kedua-dua unit ini saya jangka dapat memaksimumkan bantuan dan menyelesaikan kemiskinan dihadapi masyarakat kita sekarang,” katanya. - *Bernama*